



**TEKS UCAPAN  
YAB KETUA MENTERI SARAWAK  
SEMPENA PERASMIAN  
e-SEMINAR PENYELIDIKAN DAN INOVASI  
DALAM PENDIDIKAN 2021  
PERINGKAT KEBANGSAAN (e-SPeDIP 2021)  
PADA 14 – 15 SEPTEMBER 2021  
ANJURAN  
KOPERASI INSTITUT PENDIDIKAN GURU  
KAMPUS SARAWAK, MIRI**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang berbahagia Rektor Institut Pendidikan Guru, Miri

Yang Berusaha Tuan Hj Mohamad Zailani bin Jaya

Pengarah Institut Pendidikan Guru Kuching

Para pensyarah,

Para peserta e-Seminar Penyelidikan Dan Inovasi Dalam Pendidikan 2021 dan hadirin yang saya hormati,

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya, diberi kesempatan untuk menyampaikan ucapan **perasmian e-Seminar Penyelidikan Dan Inovasi Dalam Pendidikan 2021 Peringkat Kebangsaan** yang dilaksanakan secara maya.
2. Alhamdulillah, walaupun kita masih berada dalam Pandemik Covid-19, usaha-usaha ilmiah seperti ini masih dapat dilaksanakan. Saya berharap semua peserta akan dapat mengikuti e-Seminar ini dengan penuh semangat untuk meningkatkan ilmu dalam bidang penyelidikan dan pendidikan.

**Para peserta yang dihormati sekalian,**

3. Bersempena dengan e-Seminar ini saya ingin menyentuh tentang tema e-Seminar iaitu **Kelestarian Penyelidikan Pendidikan Dan Inovasi Ke Arah Mendepani Revolusi Industri 4.0 Dalam Mendepani Pandemik Covid-19**. Pemilihan tema ini sangat rasional

dengan berlandaskan situasi sekarang, ketika Covid -19 menjadi cabaran yang amat hebat dalam kehidupan hari ini. Namun demikian, cabaran ini tidak sedikit pun menjadi halangan atau kekangan untuk meningkatkan ilmu dan pengetahuan dalam bidang pendidikan khususnya.

4. Tahniah dan syabas kepada pihak penganjur e-Seminar ini kerana menyediakan satu platform perkongsian amalan kajian dan inovasi yang dapat memberi manfaat kepada warga pendidik khususnya dan pendidikan negara amnya.

**Warga pendidik yang saya hormati,**

5. Perkembangan teknologi yang sangat pesat telah mengubah dengan pantas lanskap dunia pendidikan kita. Perkembangan ini juga menuntut warga pendidik untuk mengubah minda membentuk semula pengajaran dan pembelajaran yang selaras dengan perkembangan teknologi terkini. Sehubungan ini penganjuran e-Seminar Penyelidikan ini sangat signifikan untuk membantu warga pendidik berkongsi ilmu, membuat refleksi pengajaran dan pembelajaran, berkongsi masalah untuk mencari penyelesaian agar setiap permasalahan pendidikan dapat ditangani dengan sistematik dan praktikal.

**Saudara dan saudari yang saya hormati,**

6. Saya difahamkan penganjuran e-Seminar juga bukan setakat berkongsi hasil penyelidikan tetapi juga berkongsi hasil inovasi. Seperti kita sedia maklum, sesuatu penyelidikan dilakukan adalah untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan yang ditemui. Keputusan

pada akhir penyelidikan tersebut diharapkan dapat memberi jalan penyelesaian masalah tersebut ataupun sekurang-kurangnya mengarah kepada penyelesaian. Sementara itu, inovasi pula secara langsung dikaitkan dengan kreativiti. Seseorang yang kreatif dan inovatif akan menjadi seorang yang sentiasa berfikir, ingin mencipta, bercita-cita besar, berani dan yakin kepada diri sendiri.

7. Sehubungan dengan itu penggabungan kedua-dua elemen penyelidikan pendidikan dan inovasi ini sangat relevan dengan senario pendidikan di negara ini yang bergerak seiring dengan perkembangan teknologi maklumat pada ketika ini. Revolusi Industri 4.0 pula secara umumnya melibatkan *Internet of Things* (IoT) dalam hampir semua aspek kehidupan seharian dan berbeza daripada revolusi industri pertama yang tertumpu kepada penggunaan mesin berkuasa wap, kedua kepada elektrik, dan ketiga kepada penggunaan teknologi maklumat (IT). Justeru dengan itu pengumuman e-seminar ini dengan tema yang dipilih adalah amat relevan dan menampakkan kesedaran tentang keperluan perubahan pendidikan pada masa ini.

**Saudara dan saudari yang saya hormati,**

8. Sarawak telah bermula lebih awal untuk mengorak langkah ke arah digitalisasi. Pada mulanya inisiatif ini dipandang serong dan diperlekehkan oleh golongan tertentu dengan alasan negeri ini belum bersedia lagi. Memang betul, negeri ini masih banyak kekurangan dari segi infrastruktur fizikal, kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, dan infrastruktur Internet. Namun, dunia tidak akan menunggu kita sehingga kita melengkapkan semuanya. *We have to leapfrog to catch up with advanced countries, like Estonia, a former Russian state*

*which used to be poor but now among the most advanced in Europe because of digitalisation.*

9. Bagi capaian Internet, Negeri Sarawak yang besar saiznya dan muka bumi yang berbukit-bukau, khususnya di pedalaman, *connectivity* menjadi isu yang amat rumit untuk diselesaikan. Namun, untuk mengatasi masalah kesaling hubungan ini, Kerajaan Sarawak sedang melaksanakan program **SALURAN**, iaitu Sarawak Linking Urban, Rural Areas and Nation untuk mempertingkatkan jaringan data dan maklumat yang begitu penting untuk menjayakan dasar digitalisasi negeri ini. Di bawah kelolaan Sarawak Multi-Media Authority (SMA), dua lagi agensi negeri, iaitu Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC) dan Sarawak Information Systems Sdn Bhd (SAINS), dan sebuah agensi persekutuan, iaitu Malaysian Multi-Media Corporation (MCMC) akan berkerjasama untuk mengusahakan sistem jalur lebar yang mampu meliputi 90 % liputan menjelang penghujung 2022.

**Para hadirin sekalian,**

10. Saya percaya Seminar selama dua hari ini akan memberikan manfaat kepada seluruh peserta yang hadir. Gunakanlah peluang ini untuk menambahkan kefahaman dan melahirkan idea-idea baru dalam mengangkat kualiti Pendidikan Negara.
11. Selaku Ketua Menteri Sarawak saya mengalu-alukan usaha Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri dalam menyemarakkan lagi Pendidikan di bumi Sarawak dengan pendekatan Penyelidikan dan Inovasi yang dapat memberi kekuatan kepada sektor Pendidikan, khasnya kepada Negeri Sarawak. Seterusnya saya juga amat

berharap usaha yang diambil oleh Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri dapat dimanfaatkan oleh semua termasuk staf sendiri, pelajar Institut Pendidikan Guru dan semua pihak di luar sana. Semoga keakraban yang terjalin sepanjang seminar ini dapat menjadi medan perbincangan dan perkongsian ilmu serta idea dalam usaha untuk menambahbaik kualiti Pendidikan di Sarawak.

12. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya amat berharap agar e-Seminar ini berjalan dengan lancar dan mencapai objektifnya serta mendatangkan impak positif kepada semua warga pendidik.
13. Dengan lafaz “Bismillahirrahmanirrahim” saya dengan sukacitanya merasmikan **e-Seminar Penyelidikan Dan Inovasi Dalam Pendidikan 2021 Peringkat Kebangsaan**
14. Sekian. Terima kasih.
15. Wabillahitaufik walhidayah, wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.